

Headline	<b>UPM hasil kaedah kesan unsur babi</b>	Language	<b>MALAY</b>
Date	<b>22. Sep 2008</b>	Page No	<b>18</b>
Media Title	<b>Harian Metro</b>	Article Size	<b>328 cm<sup>2</sup></b>
Section	<b>Setempat</b>	Frequency	<b>Daily</b>
Circulation	<b>336603</b>	Color	<b>Full Color</b>
Readership	<b>2192000</b>	AdValue	



## UPM hasil kaedah kesan unsur babi

**S**ERDANG: Menyedari kepentingan produk halal dan bebas unsur yang meragukan membawa sekumpulan kakitangan akademik Universiti Putra Malaysia (UPM) menghasilkan kaedah mengesan asid deoksiribonukleik (DNA) babi dinamakan tindak balas juju-kan berantai polimerase masa nyata atau Real Time PCR (RT-PCR).

Diketuai Pengarah Institut Penyelidikan Produk Halal UPM, Prof Dr Yaakob Che Man, teknik berkenaan dapat mengesan DNA babi dalam pelbagai produk termasuk makanan, pakaian atau aksesori.

Melalui kaedah itu, produk berkenaan perlu diekstrak untuk mendapatkan DNA dan untuk mendapatkan ba- caannya, mereka perlu menggunakan mesin yang sesuai di makmal.

"Selama ini, kaedah yang digunakan untuk mengesan kandungan babi dalam makanan mengambil masa sekurang-kurangnya dua hari untuk mendapatkan keputusan dan tahap pengesanan agak rendah.

"Kaedah RT-PCR menjanji- kan keputusan dalam masa dua jam dan ia juga bukan sekadar mengesan kandungan babi malah turut menyatakan tahap kandungan unsur ber- kenaan," katanya pada majlis



**DR YAAKOB...keputusan lebih pantas**

promosi hasil penyelidikan UPM, baru-baru ini.

Dr Yaakob berkata, kaedah pengesanan babi melalui DNA lebih berkesan kerana ia lebih stabil pada suhu tinggi, tekanan serta bahan kimia.

"Kaedah RT-PCR untuk mengesan DNA babi menjanji-kan keputusan yang lebih pantas, tepat dan sensitif. Biasanya kami akan menjalankan ujian sebanyak tiga kali sebelum menentukan bahawa makanan atau barang berkenaan mengandungi unsur babi," katanya.

Menurutnya, pihaknya ber- cadang membantu jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Ja- kim) dalam memastikan se- muai produk bebas daripada kandungan meragukan.